



Rujukan Kami: SUK.Ps.04A/ 184 SK 1 (76)

Tarikh : ٢٦ Julai 2023

**SEMUA KETUA JABATAN NEGERI
SEMUA KETUA JABATAN PERSEKUTUAN
SEMUA KETUA BADAN BERKANUN NEGERI
SEMUA KETUA BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
SEMUA KETUA GLC NEGERI
SEMUA KETUA GLC PERSEKUTUAN
YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN
SEMUA SETIAUSAHA BAHAGIAN/ KETUA UNIT, PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERLIS**

Yang Berhormat/ Sahibus Samahah/ Yang Amat Arif/ Datuk/ Datin/ Dr./ Tuan/
Puan,

ARAHAN PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS BIL. 20:

**- KOMITMEN KETUA JABATAN UNTUK MENGHADIRI MESYUARAT/
MAJLIS/ PROGRAM ANJURAN KERAJAAN NEGERI PERLIS**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sebagaimana Yang Berhormat/ Sahibus Samahah/ Yang Amat Arif/ Datuk/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, terdapat pelbagai mesyuarat/ majlis/ program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Perlis dan memerlukan komitmen kehadiran daripada Ketua Jabatan. Walau bagaimanapun, telah didapati bahawa terdapat Ketua Jabatan yang hanya mewakili kehadiran kepada pegawai rendah/ kakitangan di jabatan masing-masing.

3. Sehubungan itu, adalah diingatkan bahawa Ketua Jabatan perlulah sentiasa memberikan komitmen yang tinggi untuk menghadiri mesyuarat/ majlis/ program anjuran Kerajaan Negeri Perlis terutamanya bagi mesyuarat/ majlis/ program yang dipengerusikan atau dirasmikan oleh Duli-Duli Tuanku, YAB Menteri Besar, YB Speaker Dewan Undangan Negeri, YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai tanda sokongan serta melaksanakan fungsi Ketua Jabatan dalam menerima maklumat secara terus daripada Pengurusan Atasan Kerajaan Negeri.

4. Dalam hal tersebut, jika terdapat kekangan-kekangan/ urusan rasmi lain yang tidak dapat dielakkan, Yang Berhormat/ Sahibus Samahah/ Yang Amat Arif/ Datuk/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan boleh mewakili kehadiran kepada

Timbalan Pengarah atau pegawai kanan yang boleh membuat keputusan bagi memastikan segala input mesyuarat/ majlis/ program berkaitan jabatan Yang Berhormat/ Sahibus Samahah/ Yang Amat Arif/ Datuk/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan dapat diambil tindakan sewajarnya.

Segala perhatian dan kerjasama Yang Berhormat/ Sahibus Samahah/ Yang Amat Arif/ Datuk/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung arahan ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' YUSRAN SHAH BIN MOHD YUSOF)

Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis